



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PROJEK PENYENGGARAAN LEBUHRAYA PAN BORNEO NEGERI SARAWAK

Kuala Lumpur - Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil maklum kenyataan serta isu yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Parlimen (MP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak dalam media tempatan berkenaan pelantikan sebuah syarikat untuk menyenggara Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak.

2. Terima kasih atas keperihatinan MP tersebut yang turut bersetuju per pentingnya kerja-kerja penyenggaraan bagi menjamin jangka hayat sesebuah aset infrastruktur disamping memastikan kualiti infra yang dibina sentiasa selamat dan selesa bagi kegunaan rakyat Malaysia Madani terutama rakyat Sarawak.

3. LPB Sarawak yang mula dibina pada tahun 2015 telah pun hampir 100% siap pembinaannya. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terputus dan menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya, Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 8 September 2022 telah meluluskan pelantikan syarikat PBH Asset Management Sdn Bhd (PBHAMSB) bagi melaksanakan penyenggaraan LPB Sarawak selama tiga (3) tahun mulai 1 September 2024 sehingga 31 Ogos 2027.

4. Pelantikan ini dilaksanakan mengikut tatacara perolehan yang dibenarkan oleh Kerajaan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MOF dan berdaftar dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan (PPK) di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia.

5. Penelitian telah dibuat terhadap syarikat PBHAMSB termasuk melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mendapati bahawa syarikat tersebut berdaftar dan beroperasi di Kuching Sarawak. PBHAMSB telah terlibat secara langsung dalam pembangunan LPB Sarawak sejak permulaan projek tersebut pada tahun 2015. Berdasarkan pengalaman ini, syarikat telah dianugerahkan kerja-kerja penyenggaraan untuk lebuhraya sepanjang 829km, termasuk komitmen untuk pembangunan vendor dan latihan graduan di bawah program Protege.

6. Kontrak ini hanyalah bersifat sementara dan merupakan langkah interim bagi memastikan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang telah siap terus dapat disenggara dengan baik dan rakyat Sarawak dapat menikmati kemudahan infrastruktur dengan segera serta selamat dan selesa.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
10 SEPTEMBER 2024